

INISIATIF TERKINI HASiL

Notifikasi Potongan Cukai Bulanan (PCB)

Penghantaran notifikasi PCB kepada pembayar cukai menerusi e-mel

e-Lanjutan Masa

Aplikasi permohonan lanjutan masa bagi pengemukaan Borang Nyata (BN) secara dalam talian.

e-Daftar e-KYC

Pendaftaran *Tax Identification Number* (TIN) individu bukan warganegara melalui pengesahan identiti digital (e-KYC)

e-Rayuan

Pelaksanaan berfasa melibatkan fail pembayar cukai di Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB) dan HASiL Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)

FOKUS EDISI

Terkini e-Invois

HASiL mendekati komuniti melalui program jelajah dan penyertaan acara interaktif

TEKAD HASiL 2026 – 2030

Dokumen rasmi
penyataan hala
tuju pelan korporat
HASiL

Sekatan Perjalanan

Mekanisme penguatkuasaan yang mencerminkan tanggungjawab cukai dan nilai integriti



NOTIFIKASI POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

- Notifikasi Potongan Cukai Bulanan (PCB) dihantar secara automatik ke e-mel pembayar cukai yang didaftarkan di portal MyTax.
- Merupakan pengesahan bahawa potongan cukai majikan telah dikreditkan ke lejar cukai.
- Pastikan alamat e-mel sah dan sentiasa dikemas kini di portal MyTax untuk memastikan notifikasi bulanan yang konsisten.



e-LANJUTAN MASA

- Permohonan lanjutan masa pengemukaan Borang Nyata (BN) secara dalam talian melalui portal MyTax bermula Tahun Taksiran 2025.
- Permohonan diproses secara automatik/ masa nyata, tertakluk kepada kriteria kelayakan.
- Status permohonan boleh disemak secara dalam talian.
- Jenis Borang Nyata dibenarkan:
 1. Syarikat (C)
 2. Koperasi (C1)
 3. Perkongsian Liabiliti Terhad (PT)
 4. Badan Amanah (TA / TC / TR / TN)
 5. Petroleum (CPP / CPE)
- Akses: <https://mytax.hasil.gov.my>



>> Daftar Masuk >> Perkhidmatan ezHasil >> **e-Lanjutan Masa**

e-DAFTAR e-KYC

e-KYC membolehkan pengecaman identiti wajah bagi tujuan pendaftaran *Tax Identification Number (TIN)* secara digital

Individu bukan warganegara kini boleh mendaftar TIN menggunakan pasport di portal MyTax.



e-RAYUAN

- Pelaksanaan percubaan sistem e-Rayuan secara berfasa bagi pembayar cukai tertentu melibatkan Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB) dan HASiL Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).
- Membolehkan pengemukaan Borang Q dan Borang N secara dalam talian bagi rayuan di bawah ACP 1967 (tidak termasuk Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), cukai pegangan dan taksiran oleh siasatan).
- Pembayar cukai yang berkecuali dan terlibat boleh mengakses e-Rayuan menerusi:

<https://mytax.hasil.gov.my>



>> Daftar Masuk >> Perkhidmatan ezHasil >> e-Rayuan

TERKINI e-Invois

Seiring pelaksanaan e-Invois, HASiL terus giat mempromosikan penggunaan MyInvois melalui program jelajah dan penyertaan acara berskala besar.

Reruai interaktif MyInvois HASiL menyediakan maklumat ringkas, panduan digitalisasi perniagaan serta demonstrasi penggunaan MyInvois.

Program Jelajah **JIWA SME** 2025

24 - 26 Oktober 2025
The Curve, Mutiara Damansara



7 - 9 November 2025
Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang



TEKAD HASiL 2026-2030

Dokumen rasmi penyataan hala tuju pelan korporat lima (5) tahun yang memperincikan visi, misi dan strategi utama HASiL.



VISI

PENTADBIR CUKAI
BERPRESTASI TINGGI

MISI

MENINGKATKAN DAYA SAING
PRESTASI PENTADBIRAN
CUKAI SEJAJAR DENGAN
ASPIRASI NEGARA



Imbas kod QR
untuk maklumat lanjut

SEKATAN PERJALANAN

Siapa yang boleh dikenakan Sekatan Perjalanan?

1. Individu yang mempunyai tunggakan Cukai Pendapatan atau Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT).
2. Pengarah syarikat yang bertanggungjawab terhadap tunggakan cukai syarikat, khususnya pemegang $\geq 20\%$ saham.
3. Terpakai kepada warganegara dan bukan warganegara.

1. HASiL mengeluarkan notis rasmi, e-mel dan panggilan peringatan sebelum tindakan diambil.
2. Semakan dan pembayaran boleh dibuat menerusi Portal MyTax.
3. Semakan status juga boleh dibuat di laman rasmi [Jabatan Imigresen Malaysia \(JIM\)](#)
4. Elak penipuan – buat bayaran tunggakan cukai hanya melalui ByrHASiL, bukan ke akaun mana-mana individu.

Bagaimana proses sekatan dilaksanakan?

Cara membatalkan Sekatan Perjalanan?

1. Lunaskan tunggakan sepenuhnya melalui ByrHASiL.
2. Serahkan bukti bayaran kepada pegawai bertugas.
3. HASiL akan proses pembatalan sekatan.
4. Buat perancangan awal bagi mengelakkan kelewatan.

1. Hubungi Pejabat HASiL untuk rundingan penyelesaian.
2. Mohon pelepasan sementara (untuk tempoh sehingga 3 bulan) melalui surat permohonan dan dokumen sokongan.
3. Buat bayaran pendahuluan dengan amaun yang diluluskan serta mohon pelan ansuran bagi baki cukai.

Jika tidak mampu bayar penuh?

e-Sekatan Perjalanan

1. Perkhidmatan digital menerusi Portal MyTax untuk mempercepat pembatalan sekatan.
2. Kelayakan:
 - a. Individu Warganegara Malaysia;
 - b. Tunggakan cukai telah dilunaskan sepenuhnya;
 - c. Kes sekatan di bawah ACP 1967; dan
 - d. Tidak melibatkan kes pengarah syarikat.
3. Permohonan lengkap akan diproses dalam tempoh lima (5) hari bekerja.
4. Bagi kes yang tidak memenuhi syarat, pembayar cukai masih boleh memohon secara manual menerusi saluran rasmi di pautan:

Maklum Balas Pelanggan

PERINGATAN!

MESEJ AMARAN



**WASPADA SINDIKET
PENIPUAN PERCUKAIAN**

OK



Semak kesahihan melalui:

- HASiL Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- HASiL Live Chat;
- Borang Maklum Balas HASiL di;
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>
- Hadir ke pejabat HASiL yang berdekatan.

Jangan dedahkan butiran perbankan;
Jangan klik pada pautan mencurigakan;
Bayaran cukai hanya melalui saluran rasmi HASiL;
Pastikan e-mel rasmi HASiL menggunakan
domain @hasil.gov.my.





HASiL

Terus komited dalam memperkukuh sistem percukaian negara melalui transformasi digital, penguatkuasaan yang telus dan libat urus berterusan dengan masyarakat. Ikuti HASiL di:



www.hasil.gov.my



03-8911 1000



HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia

Cukai Anda, Masa Depan Kita